

Ledakan bom populasi



DUNIA
BAHARU 2022

DR BUDIMAN MOHD ZOHDİ

Pada abad ke-18, Thomas Robert Malthus (1766-1834) tampil dengan teorinya yang menjelaskan bahawa populasi manusia berkembang lebih pesat daripada bekalan makanan dan ini akan menyebabkan terjadinya kebuluran, peperangan atau penyakit yang akan berfungsi mengurangkan kembali jumlah populasi.

Ia bolehlah dianggap sebagai isyarat awal tentang kaitan populasi dengan musibah dan malapetaka.

Pada tahun 1968 muncul pula sebuah buku bertajuk *The Population Bomb* yang ditulis oleh profesor biologi daripada Universiti Stanford Paul R. Ehrlich dan isterinya Anne. Buku itu memperkatakan tentang bahaya yang akan dunia hadapi jika langkah mengawal penduduk tidak dilakukan segera.

Itu pula tanda amaran.

Walaupun isyarat dan amaran itu mendapat perhatian umum, namun ia tidak banyak mengubah keadaan. Manusia terus lahir dan melahirkan, menambahkan jumlah populasi dunia dari

semasa ke semasa. Itu pun mujur di se-setengah negara pemerintah menggalakkan usaha mengawal kelahiran, jika tidak jumlah populasi dunia mungkin lebih ramai dari sekarang.

Ketika Malthus menghujahkan teorinya, penduduk dunia dianggarkan berjumlah satu bilion. Pada tahun *The Population Bomb* diterbitkan, jumlahnya 3.54 bilion. Pada 15 November akan datang, jumlah itu akan melepasi angka lapan bilion. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pula menjangkakan populasi dunia akan mencecah 11.2 bilion pada tahun 2100 – ketika saya berusia 128, jika dipanjangkan umur.

Mampukah dunia menampung penduduk yang sedemikian ramai?

Para pakar berselisih pendapat tentang jumlah populasi yang sesuai untuk bumi. Ada yang berkata untuk kemakmuran sebenar, akses yang mencukupi kepada sumber, biodiversiti yang terjaga, hak-hak asasi yang terpelihara sambil mengekalkan sumber yang utuh, maka populasi dunia seharusnya sekitar 1.5 hingga 2 bilion orang sahaja.

Tetapi ada juga kajian menganggarkan saiz populasi optimum berdasarkan keperluan tanah minimum yang diperlukan untuk pengeluaran makanan (0.5 hektar setiap orang) adalah sekitar 3 bilion orang. Namun bagi mereka yang lebih rasional angka yang diunjurkan adalah di tengah-tengah antara 4 bilion

hingga 16 bilion.

Berdasarkan angka-angka itu jelaslah bahawa populasi dunia sekarang ini sama ada telah melebihi hadnya, atau sedang menghampiri hadnya. Jumlah itulah dikatakan menjadi punca kepada pelbagai masalah yang kita hadapi sekarang; perubahan iklim, pencemaran alam, kekurangan sumber, kerosakan ekosistem, kemiskinan, pengangguran, kesihatan dan sebagainya.

Kata mereka yang pakar, jika keadaan ini dibiarkan berterusan tanpa langkah-langkah drastik untuk mengawalinya dunia pasti akan terus sengsara: ada pulau akan tenggelam, ada lembah akan gersang; ada tanah tidak lagi subur, ada sungai busuk dan kotor; ada udara tetapi bergas, ada angin tetapi panas.

Kita berhak bimbang, tetapi jangan berlebihan. Ingatlah sesungguhnya ALLAH Maha Kaya. Dunia ini sentiasa mempunyai cara untuk merawat masalahnya sendiri. Perang, bencana alam, wabak penyakit adalah antara cara dunia mengawal jumlah penduduk. Selain itu, di sebalik pesatnya pertambahan populasi dunia, kadar kesuburan manusia pula secara relatifnya sedang menurun. Di negara-negara maju penurunan itu sangat ketara. Ini didorong oleh pemakanan dan perubahan gaya hidup. Wanita-wanita berkerjaya misalnya tidak berminat untuk mempunyai ramai anak. Bukan kerana tidak subur tetapi sebab

kekurangan masa – dengan izin – untuk disuburkan. Keadaan sebaliknya berlaku di kebanyakan negara dunia ketiga, terutama di benua Afrika di mana tahap kesuburannya kekal tinggi. Sebagai contoh kadar kesuburan di Nigeria adalah 6.6, Somalia 5.7 dan Republik Demokratik Congo 5.5 sedangkan di Jepun 1.4, Singapura 1.2 dan Korea 1.1.

Mulai tahun depan, China akan kehilangan status sebagai negara paling ramai penduduk di dunia. Tempatnya akan diambil alih oleh India. Dijangka pada tahun 2100, Nigeria pula akan naik ke tangga kedua, menolak China ke tangga ketiga. Pada masa itu aktiviti ekonomi dunia diramalkan banyak berpusat di benua Afrika. Adillah untuk mereka yang sejak sekian lama menjadi pemerhati kemakmuran negara-negara di rantau lain. Begitulah indahnya aturan alam. Masalah bagi satu pihak akan menjadi peluang bagi pihak yang lain.

Jadi kalau risau pun berpada-pada. Jangan kerana hendak mengurangkan jumlah penduduk dunia, kita takut hendak beranak-pinak. Ingatlah setiap anak ada rezekinya. Cuma didiklah dengan betul, jangan sampai anak kita pula menjadi rezeki orang!#dush!!

**Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi ialah Setiausaha Politik. Mulai 2022 menulis mengenai pengurusan perubahan.*

Kenapa bertindak luar batas?



MAAF
CAKAP

NORDEN MOHAMED

Seurang-kurangnya 92 orang maut dalam satu demonstrasi yang melarat di Iran berikutan kematian Mahsa Amini. Kematian yang didakwa berikutan tindakan kasar pihak keselamatan telah melebihi dua minggu tanpa tanda-tanda ia mula reda.

Wanita itu yang ditahan pihak keselamatan pada 16 September kerana tidak memakai hijab menurut standard yang ditetapkan, telah maut dalam tahanan polis. Maklumat mengatakan, Mahsa Amini telah dipukul hingga maut yang menyebabkan kemarahan orang ramai.

Di Indonesia pula, lebih 174 maut berikutan rusuhan pada perlawanan bola sepak di Jawa Timur, Indonesia. Ramai yang maut adalah daripada kalangan para penonton yang panik dalam rempuhan.

Saya melihat tragedi-tragedi ini adalah disebabkan bertindak di luar batasan atau *overreacting* oleh pihak yang men-

jalankan tugas. Mahsa Amini bukan melakukan jenayah seperti mencuri atau mencederakan orang lain. Sebaliknya ia hanyalah kesalahan sivil mengikut undang-undang di Iran. Mereka yang bertindak kasar kepadanya telah *overreact*.

Kematian ramai yang terjadi di Stadium Kanjuruhan itu berlaku kerana *overreact* orang ramai. Dalam suasana hiruk-pikuk, gas pemedih mata dilepaskan dan ramai para penonton yang terkena gas cuba lari hingga terjadinya rempuhan. Tidak sekali-kali untuk menyalahkan, tetapi itulah reaksi kepada situasi hingga mengakibatkan tragedi.

Tindakan di luar batasan adalah reaksi mempertahankan diri yang dilakukan oleh manusia untuk membanteras apa jua ancaman yang lebih besar. Namun *overreact* ini kerap kali mengakibatkan kesan yang lebih besar daripada potensi ancaman itu sendiri.

Apabila seseorang pemandu memberikan hon untuk meminta kereta di hadapan beralih ke lorong di sebelah kiri, pemandu di hadapan, yang beranggapan pemandu di belakang mahu tunjuk aksi akan berdegil tidak mahu beralah.

Apabila pemandu di belakang memotong, si pemandu di hadapan berasa terancam. Maka terjadilah kejar-mengejar

yang mungkin berakhir dengan pelanggaran atau kemalangan. Saya juga biasa berdepan dengan keadaan anggota kumpulan WhatsApp meninggalkan grup apabila komen atau pandangannya disanggah oleh orang lain. Situasinya boleh dianggap lucu kerana hujah pro dan kontra itu saling bertukar dalam bentuk tulisan sahaja.

Kerap kali, puncanya hanya berpolemik mengenai isu-isu umum yang tiada kena mengena dengan hal peribadi masing-masing. Tidak ada intonasi suara dalam tulisan melainkan pandangan yang berbeza. Apabila perselisihan pendapat itu boleh menjadikan salah seorang daripada mereka meninggalkan kumpulan, ia boleh dianggap *overreact*.

Saya tahu ada sepasang kekasih yang tidak bertegur sapa hingga berminggu-minggu hanya kerana talian telefon tidak baik. Apabila perbualan masing-masing terganggu kerana suara mereka tidak dengar, masing-masing ambil keputusan untuk tidak berhubung. Inilah *overreact*. Seharusnya mereka menukar telco, habis cerita!

Tapi, apakah yang menyebabkan kita bertindak di luar jangka hingga boleh menimbulkan kekesalan kemudiannya? Tidakkah boleh kita *cool* atau *chill* seperti kata orang sekarang? Banyak panduan

yang menyarankan kita menghitung satu hingga 10 untuk meredakan situasi naik angin.

Tetapi, apa kata jika kecoh juga terjadi selepas angka ke-10? Jika begitu, kita tidak boleh menanti hingga ke angka 10 untuk menahan diri daripada bertindak. Sebaliknya fikiran untuk bersabar itu harus bermula daripada angka satu lagi.

Kita perlu mendiamkan diri daripada memberi apa jua reaksi. Walaupun ia kelihatan seperti memperbodohkan diri, sebenarnya ia memperbodohkan syaitan yang sentiasa hampir untuk menghembus angin kemarahan. Ramai di antara kita yang terlupa akan hakikat kehadiran makhluk ini.

Barangkali, kita bertindak di luar batas bukan kerana apa yang sedang berlaku. Tetapi kita melampiasikan kemarahan hingga bertindak di luar batas kerana masalah lain yang tidak ada kena mengena dengan apa yang kita sedang hadapi. Tindakan berdiam diri buat sementara itu sebenarnya bertujuan untuk mencari sebab lain yang membuatkan kita naik darah. Bukan sebab yang sedang kita alami sekarang.

**Norden Mohamed ialah mantan Ketua Pengarang Sinar Harian*